



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

TARIKH	3 APRIL 2026 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	KERAJAAN SETUJU BDR BERPERINGKAT		
M/S	3 (NASIONAL)	KATA KUNCI	WFH, KPPA
BIDANG	CIVIL SERVICE		

# Kerajaan setuju BDR berperingkat

**Kebenaran hanya bagi penjawat awam di ibu negeri dan Lembah Klang, tiga sektor utama dikecualikan**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Pegawai sektor awam di semua ibu negeri serta Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor dengan jarak perjalanan sehala dari pejabat ke rumah melebihi lapan kilometer, dibenarkan bekerja dari rumah (BDR) sebanyak tiga hari seminggu.

Dua kriteria itu dimaklumkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, menerusi surat edaran pelaksanaan BDR yang diedarkan kepada semua ketua jabatan kerajaan Persekutuan dan negeri semalam.

## Berkuat kuasa 15 April

Pelaksanaan BDR untuk sektor perkhidmatan awam dibuat susulan konflik Asia Barat itu, berkuat kuasa mulai 15 April ini.

Ia juga berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian SR4.1.2: Dasar BDR yang memperuntukkan dasar, syarat dan peraturan BDR.

Berdasarkan surat edaran sama, bagi negeri di mana hari kelepasan mingguan adalah hari Ahad, BDR ditetapkan pada Selasa, Rabu dan Khamis secara sepenuh hari.

Manakala bagi negeri yang hari kelepasan mingguan pada Jumaat iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu, BDR adalah secara sepenuh hari pada Isnin, Selasa dan Rabu.

Sepanjang pelaksanaan BDR, tempat bekerja pegawai ialah rumah yang didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) sahaja.

Pegawai awam juga perlu menggunakan Sistem Pemantauan Operasi Tugas Secara Elektronik (SPOT-Me) yang membo-

lehkan perekodan kehadiran pegawai melalui fungsi geolokasi pada peranti mudah alih dari rumah.

Malah, mereka perlu mendaftar masuk dalam SPOT-Me setiap satu jam dan Ketua Jabatan hen-

daklah memantau keberadaan pegawai.

Bagaimanapun, tiga sektor membabitkan keselamatan dan pertahanan, kesihatan serta pendidikan dikecualikan daripada pelaksanaan BDR.



Pelaksanaan BDR untuk sektor awam sebagai langkah penjimatan tenaga susulan konflik di Asia Barat. (Foto hiasan)